

NO. SOALAN : 88

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @MARCUS MAJIGOH
[PUTATAN]**

**DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MAJIGOH [PUTATAN] minta
MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan:**

- (a) apakah kadar *System Average Interruption Duration Index* SAIDI di negeri Sabah pada ketika ini; dan
- (b) apakah langkah dan usaha yang telah diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah ini?

244

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sehingga 30 September 2017, bacaan *System Average Interruption Duration Index* (SAIDI) Sabah yang dicatatkan secara kumulatif ialah 206.54 minit/pengguna/tahun dan menunjukkan trend menurun berbanding dengan tahun 2016 yang mencatatkan 249.54 minit/pengguna/tahun bagi tempoh yang sama. Status terkini bacaan SAIDI Sabah masih dalam sasaran bagi tahun 2017 iaitu 250 minit/pengguna/tahun.

2. Antara langkah yang diambil bagi mengurangkan SAIDI Sabah adalah seperti berikut:
 - (i) penubuhan *Task Force* 150 (TF150) untuk mengurangkan SAIDI sehingga 150 minit/pengguna/tahun di Sektor 1 iaitu Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan dan Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2018;

- (ii) penubuhan Pasukan Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah (PPKBES) pada tahun 2015 bertujuan untuk melaksanakan projek-projek pembekalan elektrik di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sejumlah RM2.295 bilion dalam bentuk geran telah diluluskan bagi melaksanakan 57 projek yang melibatkan pengukuhan sistem penjanaan, penghantaran, pembahagian dan juga kajian hidro elektrik dari tahun 2015 hingga 2020;
 - (iii) pelaksanaan Lab SAIDI 100 Sabah oleh PEMANDU *Associates* telah dilaksanakan untuk mengkaji dan mengenal pasti isu-isu berkaitan bekalan elektrik di negeri Sabah bagi mencapai sasaran kerajaan untuk menurunkan tahap SAIDI kepada 100 minit/pengguna/tahun menjelang tahun 2020.
3. Bagi tahun 2017, hampir 87 minit/pengguna/tahun daripada jumlah SAIDI sehingga kini adalah bersifat "*planned shutdown*" untuk membolehkan pelaksanaan kerja-kerja penambahbaikan, penggantian dan pengukuhan jaringan pengagihan elektrik dan bukannya gangguan luar jangka. Jika ditolak daripada keseluruhan SAIDI Sabah, ini bermakna SAIDI yang disebabkan oleh gangguan sebenar ialah 119 minit/pengguna/tahun. Oleh itu, Kerajaan positif

bahawa rakyat Sabah akan menikmati bekalan elektrik yang lebih berdaya harap dengan kadar gangguan yang jauh lebih rendah bermula tahun 2018.

Sekian, terima kasih
